



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	5/10/2021 (SELASA)	MUKA SURAT	:	12
JABATAN	:	PERHILITAN			

Harimau kumbang muncul dekat rumah

Kuala Pilah: Harimau kumbang muncul lagi di Negeri Sembilan. Kali ini dua haiwan liar berkenaan dilihat penduduk di kebun berhampiran kediaman penduduk di Batu Condong, Juasseh Tengah di sini Jumaat lalu.

Dalam kejadian kira-kira jam 7.30 malam itu, kehadiran harimau berkenaan disedari penduduk selepas terdengar salakan anjing yang dipelihara untuk menjaga ternakan dan kebun.

Mumtaz Ahmad, 36, berkata, mereka sekeluarga yang berada di dalam rumah ketika kejadian kemudian menyuluh ke arah kebun sebelum ternampak haiwan berkenaan kira-kira 100 meter dari kediaman.

"Harimau itu berlegar-legar di kawasan berkenaan selama kira-kira 15 minit sebelum perlahan-lahan beredar. Kami semua sangat cemas kerana dapat melihatnya dengan jelas.

"Sehari sebelumnya, kami sekeluarga juga ternampak seekor harimau kumbang berlegar-legar berhampiran kawasan kebun kira-kira jam 6.30 petang dan tidak menyangka haiwan yang sama datang kali kedua bersama seekor lagi harimau," katanya ketika ditemui.

Mumtaz berkata, sudah



MUMTAZ menunjukkan kawasan harimau kumbang dilihat berlegar-legar.

tujuh ekor kambing milik mereka lesap sejak Mac hingga 11 September lalu.

"Kami percaya kehilangan berkenaan berkemungkinan besar menjadi makanan harimau kumbang.

"Kami bimbang akan keselamatan keluarga lebih-lebih terdapat kanak-kanak yang tinggal di rumah ini. Malah, kami bimbang jika haiwan itu menghampiri rumah kerana tertarik dengan ternakan dipelihara.

"Walaupun kediaman kami berpagar namun keupayaan haiwan itu tidak boleh dijangka sama sekali," katanya yang membuat adu-

an kepada Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Negeri Sembilan.

Sementara itu, Pengarah Perhilitan Negeri Sembilan, Wan Mat Wan Harun mengesahkan pihaknya menerima aduan berkenaan dan mengarahkan kakitangannya memasang satu perangkap kamera bagi mengesan kehadiran harimau kumbang kawasan kebun pengadu, kelmarin.

Menurutnya, buat masa ini pihaknya tidak dapat mengesahkan sama ada binatang berkenaan adalah harimau kumbang susulan

hanya menemui tapak musang sahaja di lokasi.

Harian Metro pada 29 September lalu melaporkan Perhilitan memasang perangkap di Kampung Anak Air Durian Daun, Pondoi, Tampin selepas penduduk mendakwa tiga kambing milik mereka dibaham harimau kumbang dalam kejadian tengah malam 2 September lalu.

Manakala pada 2 Oktober lalu Harian Metro melaporkan penduduk di Taman Seremban 3 terdengar ngauaman harimau kumbang sebelum melaporkan kejadian kepada Angkatan Pertahanan Awam (APM).